

97

**SOALAN NO. 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT TUAN RAMKARPAL  
SINGH A/L KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]

**TARIKH :** 8 MAC 2018

**SOALAN :**

**YB Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meluluskan Klaus 88A Law Reform (Marriage and Divorce) (Amendment) Bill 2016 (LRA) untuk mengakhiri kes-kes 'unilateral conversions' ekoran keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes Indira Gandhi baru-baru ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sebelum ini telah menggugurkan fasal 88A di dalam Rang Undang-Undang Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) (Pindaan) 2017, kerana tidak mahu berlaku percanggahan dalam mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan supaya selaras dengan prinsip *doktrin stare decisis* di mana keputusan Mahkamah tertinggi terhadap pentafsiran Fasal (4) Perkara 12 adalah terikat.

Walau bagaimanapun, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam kes Indira Gandhi A/P Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors. And Other Appeals [2018] 1 MLJ 545, Mahkamah Persekutuan telah mentafsirkan perkataan “parent” dalam Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan sebagai bermaksud jamak (*plural*) iaitu kedua-dua ibu dan bapa. Tafsiran ini terpakai jika kedua-dua ibu dan bapa masih hidup. Keputusan tersebut mengatasi semua keputusan-keputusan terdahulu dan keputusan terbaharu ini adalah terikat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, apa-apa cadangan untuk menggubal Rang Undang-Undang seperti mana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merupakan perkara dasar yang akan dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

99

**SOALAN ( 42 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 8 MAC 2018  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : YB TUAN GOOI HSIAO LEUNG  
[ ALOR SETAR ]**

**SOALAN :-**

**YB TUAN GOOI HSIAO LEUNG [ ALOR SETAR ] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kenapa Kementerian gagal memulihkan projek perumahan terbengkalai yang dikenali sebagai Apartment Bandar Sri Ampang (Telok Chengai) di Kuala Kedah yang telah menyebabkan ramai pembeli berada dalam kesusahan.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya prihatin dan memang memandang serius permasalahan yang dihadapi oleh para pembeli projek perumahan swasta terbengkalai di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penyiapan projek dan penyerahan kepada para pembeli adalah di bawah tanggungjawab pemaju asal sepenuhnya seperti mana yang termaktub di dalam Perjanjian Jual Beli (PJB) di antara pemaju asal dengan pembeli. Namun begitu, bagi memastikan tindakan pemulihan dapat dilaksanakan dengan lancar, Kerajaan mengambil peranan sebagai pemudahcara (*mediator*) bagi memastikan halatuju pemulihan projek dan halangan yang dikenalpasti dapat diselesaikan dengan baik melalui persetujuan semua pihak yang berkaitan berdasarkan kepada undang-undang serta peraturan yang berkuatkuasa.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Bandar Sri Ampang, Alor Setar, Kedah adalah merupakan projek perumahan swasta kos sederhana dan kos tinggi yang dimajukan oleh syarikat Pertama Perdagangan Sdn Bhd selaku pemaju asal.

Projek Bandar Sri Ampang ini sepatutnya disiapkan pada 29 April 2007, tetapi pemajuan projek telah terhenti sekitar 65% disebabkan masalah kewangan oleh pemaju asal. Susulan itu, projek tersebut telah disahkan sebagai projek perumahan terbengkalai pada 16 Mac 2012 berdasarkan peruntukan Seksyen 11(1)(ca) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118].

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas disahkan sebagai terbengkalai, proses dan langkah pemulihan mengalami kelewatan disebabkan oleh prosiding Mahkamah melalui tindakan Bank Rakyat selaku pembiaya pinjaman titian (*bridging loan*) untuk membuat lelongan harta tanah seawal tahun 2013. Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak gagal untuk mencapai persefahaman di antara semua pihak berkepentingan terutamanya kegagalan pemaju asal untuk menyelesaikan pinjaman titian tersebut

Namun begitu, Mahkamah Tinggi Malaya Alor Setar pada 16 Mac 2017 telah mengekalkan Penghakiman Persetujuan di antara Bank Rakyat dan pemaju asal yang bersetuju untuk membuat penjualan hartanah kepada Visi Sempena Sdn Bhd selaku pemaju penyelamat pada harga dasar RM20.55 juta atau satu jumlah yang lebih rendah yang dipersetujui oleh Bank Rakyat sebagai penyelesaian muktamad.

Susulan itu, satu mesyuarat penyelarasan pemulihan projek melibatkan Setiuasaha Kerajaan Negeri Kedah, pemaju asal, Visi Sempena Sdn Bhd, Jabatan Perumahan Negara dan wakil Jawatankuasa Pembeli telah diadakan pada 4 Jun 2017. Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa daripada 313 pembeli tersebut, hanya 52 orang pembeli sahaja yang belum membatalkan Perjanjian Jual Beli (PJB). Pemaju asal juga sedang menyediakan perjanjian bagi pemulihan projek ini dengan pihak Visi Sempena Sdn Bhd. Kerja-kerja pemulihan projek ini dijangka akan dimulakan sebaik sahaja persetujuan perjanjian pemulihan tersebut dimeterai.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM  
[ SARATOK ]**

**TARIKH : 8 MAC 2018 (KHAMIS)**

**SOALAN : 43**

**Tan Sri William Mawan Ikom [ Saratok ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan pendirian Kerajaan berhubung keperluan untuk mewajibkan alat pemadam api disimpan di dalam setiap kenderaan bermotor (kecuali motosikal).**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan pada ketetapan di bawah Kaedah 80, Kelengkapan Kenderaan Perkhidmatan Awam dan Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan & Penggunaan) 1959, sememangnya keperluan untuk penyediaan, penyimpanan, pemakaian dan penggunaan alat pemadam api adalah diwajibkan pada setiap kenderaan perkhidmatan awam.

Sebagai tambahan pula, mulai 01 Julai 2017, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan telah mewajibkan penyediaan, penyimpanan, pemakaian dan penggunaan alat pemadam api pada Kenderaan Membawa Barang Berbahaya berdasarkan kepada ketetapan di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Kenderaan Barang Berbahaya) 2015 yang mana ianya adalah selari dengan ketetapan teknikal antarabangsa iaitu *European Agreement Concerning the Carriage of Dangerous Goods by Road (ADR) 2015* dan peraturan di bawah *United Nations UNR105*.

Bagi memastikan pematuhan akan penyimpanan alat pemadam api pada Kenderaan Awam dan juga Kenderaan Membawa Barang Berbahaya, pemeriksaan alat pemadam api telah dijadikan sebagai perkara mandatori semasa pemeriksaan berkala yang dijalankan melalui PUSPAKOM.

Berkenaan dengan alat pemadam api di dalam kenderaan persendirian, setakat ini perkara ini masih belum diwajibkan namun pihak Kementerian Pengangkutan amat menggalakkan alat pemadam api diletakkan di dalam kenderaan bagi tujuan keselamatan.